

3 Apakah jenis-jenis perlakuan perniagaan yang dilarang di bawah Perintah Persaingan 2015?

Terdapat tiga larangan utama di bawah Perintah ini seperti berikut:

1. Perjanjian Anti-Persaingan

Perjanjian yang menghalang, mengganggu atau menyekat persaingan di pasaran adalah dilarang di bawah Perintah ini, tanpa mengira perjanjian dicapai secara formal atau sebaliknya. Perjanjian anti-persaingan juga dikenali sebagai kartel. Para peniaga dilarang melibatkan diri di dalam mana-mana perlakuan *hard core* kartel seperti:

- Penetapan harga (*price fixing*)
- Pembahagian pasaran (*market sharing*)
- Pengawalan bekalan (*supply control*)
- Kolusif tender (*bid rigging* atau *tender collusion*)



2. Penyalahgunaan Kedudukan Dominan


Perintah ini melarang peniaga yang mempunyai kuasa dominan di dalam pasaran daripada menyalahgunakan kedudukan tersebut dengan melakukan amalan anti-persaingan yang boleh memudaratkan persaingan di dalam pasaran. Sebagai contoh:

- Menjual di bawah kos dengan sengaja (*Predatory pricing*)
- Keengganan untuk membekal
- Mengenakan syarat yang berbeza bagi transaksi yang sama




3. Penggabungan Anti-Persaingan

Penggabungan yang mengurangkan persaingan di dalam pasaran dan memberi impak negatif kepada pengguna adalah dilarang. Sebagai contoh, penggabungan yang mewujudkan atau mengukuhkan kedudukan dominan sehingga menyebabkan pilihan barangan dan perkhidmatan yang terhad serta kenaikan harga.



10 Siapakah autoriti yang bertanggungjawab bagi menguatkuasakan Perintah Persaingan 2015?



11 Bagaimanakah autoriti persaingan mengesan perlakuan anti-persaingan?

Autoriti persaingan boleh mengesan perlakuan anti-persaingan melalui pelbagai cara dan kaedah. Sebagai contoh, melalui maklumat dan aduan yang diterima, dan juga melalui peniaga yang terlibat di dalam perlakuan anti-persaingan.

Peniaga yang terlibat dan tampil secara sukarela untuk melaporkan perlakuan anti-persaingan boleh memohon untuk mendapatkan pengurangan penalti sehingga maksima 100% di bawah program permohonan kelonggaran (*Leniency program*) yang terdapat di dalam Perintah Persaingan 2015.

Aduan mengenai perlakuan anti-persaingan boleh dilaporkan oleh pengguna dan peniaga pada keterangan seperti berikut:

**Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Blok 2A, Tingkat 3, West Wing, Bilik 3.04
Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan BA1311
Negara Brunei Darussalam**

Telefon : (+673) 2233344
Faks : (+673) 2230203
Emel : brunei.competition@jpke.gov.bn
Laman sesawang : www.ccbd.gov.bn



سوروهنجاى فرساينغن بروني دار السلام
Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam
Competition Commission of Brunei Darussalam

PERINTAH PERSAINGAN 2015



1 Apakah Perintah Persaingan 2015?

Perintah Persaingan 2015 adalah undang-undang yang bertujuan untuk menggalakkan dan mengekalkan persaingan pasaran yang sihat melalui larangan amalan-amalan perniagaan yang menghalang atau menyekat proses persaingan yang adil. Perintah ini melarang tiga perlakuan utama anti-persaingan seperti berikut:

- Perjanjian anti-persaingan;
- Penyalahgunaan kedudukan dominan; dan
- Penggabungan anti-persaingan.

2 Kepada siapakah Perintah Persaingan 2015 dikenakan?

Perintah ini dikenakan kepada semua aktiviti komersial di seluruh sektor tanpa mengira pemilik entiti.

Perintah ini tidak dikenakan kepada Kerajaan dan badan berkanun serta mana-mana entiti yang menjalankan aktiviti bagi pihak mereka.

Perintah ini tidak dikenakan kepada aktiviti yang tersenarai di dalam Jadual Ketiga Perintah Persaingan 2015. Pengecualian tersebut termasuk perkhidmatan yang mempunyai kepentingan ekonomi umum, pematuhan terhadap keperluan undang-undang, mengelakkan percanggahan dengan komitmen antarabangsa dan dasar awam.

4 Kenapa kita memerlukan Perintah Persaingan 2015?

Kelakuan anti-persaingan boleh wujud di dalam mana-mana pasaran dan menyebabkan kemudaratan kepada ekonomi. Oleh itu, mempunyai undang-undang yang menghalang kelakuan sedemikian adalah penting. Perintah Persaingan 2015 melarang kelakuan anti-persaingan bagi menggalakkan kecekapan pasaran dan memelihara kebajikan pengguna di Negara Brunei Darussalam. Perintah ini bertujuan untuk:

- Memberi insentif dan mewujudkan persekitaran perniagaan yang kompetitif bagi para peniaga untuk menawarkan barangan dan perkhidmatan yang berkualiti dan inovatif dengan nilai yang lebih baik;
- Menggalakkan peluang perniagaan yang setara dan kemasukkan pesaing baru di pasaran;
- Meningkatkan produktiviti bagi sektor-sektor utama;
- Memastikan pengagihan sumber ekonomi yang lebih cekap; dan
- Mewujudkan suasana pro-perniagaan dan pro-pelaburan bagi prospek Pelaburan Langsung Asing (*Foreign Direct Investment*) yang lebih baik.

Ini semua dihasrat untuk menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi yang mampan selaras dengan usaha Kerajaan dalam mencapai matlamat *Wawasan Brunei 2035*.

5 Apakah penalti jika melanggar Perintah Persaingan 2015?

Peniaga yang melanggar Perintah Persaingan 2015 boleh dikenakan penalti kewangan sehingga 10% daripada jumlah hasil dapatan perniagaan bagi setiap tahun kesalahan, dengan tempoh maksima selama 3 tahun.

Peniaga yang telah sabit kesalahan di bawah Perintah ini juga boleh berhadapan dengan tuntutan sivil (*civil proceedings*) di mahkamah oleh mana-mana pihak yang mengalami kerugian atau kerosakan secara langsung akibat perlakuan anti-persaingan.

Suruhanjaya Persaingan juga boleh mengeluarkan arangan bagi menghalang berulangnya pelanggaran tersebut, seperti menghendaki peniaga untuk mengubahsuai atau menghentikan perjanjian atau perlakuan anti-persaingan.

6 Apakah kuasa penyiasatan di bawah Perintah Persaingan 2015?

Perintah Persaingan 2015 menyediakan peruntukan kuasa berikut bagi menyiasat perlakuan anti-persaingan:

- Mendapatkan dokumen atau maklumat tertentu daripada mana-mana individu atau perniagaan dengan memberi notis bertulis;
- Memasuki premis untuk mendapatkan salinan dokumen tertentu tanpa waran selepas memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada penghuni premis; dan
- Memasuki dan memeriksa premis dengan waran mahkamah dan menyita dokumen-dokumen yang relevan serta mengambil apa-apa artikel dari premis tersebut bagi tujuan penyiasatan.

7 Bagaimanakah Perintah Persaingan 2015 boleh membantu melindungi pengguna?

Perintah ini memelihara kebajikan pengguna dengan menggalakkan para peniaga untuk:



8 Bagaimanakah Perintah Persaingan 2015 membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)?

Perintah Persaingan 2015 merangkumi semua aktiviti komersial berkaitan dengan barangan atau perkhidmatan di Negara ini tanpa mengira saiz perniagaan. Melalui larangan perlakuan anti-persaingan, PMKS dilindungi dengan beberapa cara termasuk:

- *Peluang penyertaan perniagaan yang setara*
Menyediakan peluang yang sama rata kepada para peniaga untuk memasuki pasaran.
- *Mengurangkan kos input*
Perintah ini melindungi PMKS daripada dikenakan bayaran yang tinggi oleh pembekal yang mungkin terlibat dalam perlakuan anti-persaingan.
- *Mengurangkan sekatan untuk memasuki pasaran*
Perintah ini mencegah peniaga yang mempunyai kedudukan dominan daripada mengenakan sekatan yang tidak benar kepada PMKS untuk masuk atau berkembang di pasaran.
- *Kecekapan perniagaan*
Perintah ini menggalakkan peniaga untuk menjadi lebih efisien dan inovatif bagi menarik pelanggan.

9 Bolehkah Perintah Persaingan 2015 menangani isu kenaikan harga barangan dan perkhidmatan?

Perlu ditekankan bahawa isu kenaikan harga tidak semestinya menandakan wujudnya isu persaingan atau kartel. Perintah Persaingan 2015 bertujuan untuk menggalakkan pasaran yang kompetitif dan tidak bertujuan untuk mengawal harga barangan dan perkhidmatan. Para peniaga dibenarkan untuk menetapkan harga barangan dan perkhidmatan sebagaimana yang dianggap berpatutan, selagi mana penetapan harga itu dilaksanakan secara bebas dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana perjanjian dengan peniaga lain.

Jika kenaikan harga adalah disebabkan oleh perlakuan anti-persaingan atau pakatan di antara para peniaga, Suruhanjaya Persaingan akan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menangani isu tersebut.